

Tradisi Memajangkan Foto Ungku Saliah Sebagai Penarik Rezeki dalam kalangan Masyarakat Nagari Sungai Sariak, Indonesia

The Tradition of Displaying Photos of Ungku Saliah as a Sustenance Attractor in Nagari Sungai Sariak Community, Indonesia

Sandra Yulita¹, Edriagus Saputra^{2*}, Arwansyah Kirin³, Rengga Irfan⁴

¹ Institut Agama Islam Sumatera Barat, Kampung Gadang, Kelurahan Padusunan, Kecamatan Pariaman Timur, Bypass Kota Pariaman, Sumatera Barat, Indonesia

² Sekolah Tinggi Agama Islam Negeri Mandailing Natal, Jl. Prof. Dr. Andi Hakim Nst Komplek Stain, Pidoli Lembang, Kec. Panyabungan, Kabupaten Mandailing Natal, Sumatera Utara, Indonesia.

³ Universiti Tun Hussein Onn Malaysia, Batu Pahat Parit Raja, Johor, 84600, MALAYSIA

*Pengarang Utama: saputraedriagus@gmail.com

DOI: <https://doi.org/10.30880/hsp.2025.05.01.008>

Maklumat Artikel

Diserah: 6 Mei 2025

Diterima: 18 Mei 2025

Diterbitkan: 1 Jun 2025

Kata Kunci

Pemajangan Poto, Ungku Saliah, Tawassul, dan Mendapat Rezeki

Abstrak

Tradisi memajangkan foto Ungku Saliah seorang tokoh agama dan spiritual yang dihormati di Nagari Sungai Sariak merupakan satu amalan menarik dalam kajian Living al-Qur'an. Kajian ini bertujuan untuk memahami konteks, makna dan kesan spiritual daripada tradisi tersebut serta hubungannya dengan prinsip-prinsip ajaran Islam. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan kaedah fenomenologi. Data diperoleh melalui pemerhatian, temu bual mendalam dan dokumentasi. Proses analisis data melibatkan tiga tahap: penurunan data (reduksi), penyusunan data dan penarikan kesimpulan. Hasil kajian menunjukkan bahawa amalan memajangkan foto Ungku Saliah difahami oleh masyarakat setempat sebagai satu bentuk penghormatan terhadap ulama, peringatan terhadap jasa dan pengorbanannya serta sebagai medium spiritual dalam bertawassul kepada Allah SWT. Tradisi ini sarat dengan nilai-nilai Islam seperti penghormatan kepada tokoh agama dan pengakuan terhadap kekuasaan Allah sebagai satu-satunya pemberi rezeki. Masyarakat disarankan untuk meluruskan niat dalam amalan ini agar ia kekal berada dalam batasan tauhid dan tidak tersasar kepada perbuatan yang bertentangan dengan ajaran Islam.

Keywords

The Display of Photos, Ungku Saliah, Tawassul, and Receiving Sustenance.

Abstract

The tradition of displaying the photo of Ungku Saliah, a respected religious and spiritual figure in Nagari Sungai Sariak, is an interesting practice in the study of Living Qur'an. This research aims to understand the context, meaning, and spiritual impact of the tradition and its correlation with the principles of Islamic teachings. The method used is

qualitative with a phenomenological approach. Data were obtained through observation, in-depth interviews, and documentation, then analysed through the stages of data reduction, data presentation, and conclusion drawing. The results showed that the display of Ungku Saliah's photo is understood as a form of respect for the scholars, a reminder of their services, and a spiritual medium in bertawassul to Allah. This tradition is full of Islamic values, such as respect for religious figures and recognition of Allah's power as the only provider of sustenance. The community is urged to straighten out their intentions in displaying the photo so that they remain in the corridor of tawhid and do not fall into practices that are contrary to Islamic teachings.

1. Pendahuluan

Ulama dianggap sebagai pewaris para nabi (*warasatul anbiya'*), [1] justeru setiap langkah dan perbuatan mereka menjadi contoh teladan kepada umat Islam khususnya masyarakat di sekelilingnya.[2] Hal ini telah dinyatakan dengan jelas oleh Allah SWT dalam firman-Nya:

وَمِنَ النَّاسِ وَالْأَنْعَامِ مُخْتَلِفٌ أَلْوَانُهُ كَذَلِكَ إِنَّمَا يَخْشَى اللَّهَ مِنْ عِبَادِهِ الْعُلَمَاءُ إِنَّ اللَّهَ عَزِيزٌ غَفُورٌ

"Dan demikian pula di antara manusia, makhluk yang bergerak dan binatang ternakan terdapat pelbagai warnanya. Sesungguhnya yang paling takut kepada Allah di kalangan hamba-Nya ialah para ulama. Sesungguhnya Allah Maha Perkasa lagi Maha Pengampun." (Surah Al-Fatir, ayat 28)

Dalam usaha memuliakan ulama dan menjadikan mereka sebagai teladan yang baik [2][3] terdapat segelintir masyarakat yang terlalu mengagungkan mereka sehingga melakukan amalan yang tidak pernah diajarkan oleh tokoh tersebut. Antara contohnya ialah tradisi masyarakat Padang Pariaman yang memajangkan foto Ungku Saliah. Ungku Saliah merupakan seorang tokoh ulama yang terkenal di wilayah Padang Pariaman, Provinsi Sumatera Barat, Indonesia. Beliau dikenali sebagai penyebar agama Islam di kawasan tersebut dan ajarannya masih terus diamalkan oleh masyarakat hingga ke hari ini. Ungku Saliah dilahirkan pada tahun 1887 dan wafat pada 3 Ogos 1974. Beliau sangat dihormati oleh masyarakat Padang Pariaman dan Sungai Sariaik atas jasa-jasa besarnya dalam menyebarkan dan memperkukuh kefahaman serta amalan Islam di kawasan itu. Selain berperanan sebagai penyebar Islam, Ungku Saliah juga dikenali sebagai seorang yang dikurniakan keistimewaan oleh Allah SWT. Perkataan dan perbuatan beliau sering dianggap luar biasa dan di luar jangkauan logik akal manusia. Kebanyakan masyarakat menyifatkan kelebihan tersebut sebagai *karamah* atau keramat.[4] Selepas kewafatan beliau, makam dan foto Ungku Saliah mula dianggap suci oleh masyarakat setempat. Ramai yang datang menziarahi makam beliau dengan niat memohon hajat atau keberkatan. Foto Ungku Saliah pula menjadi simbol yang sangat berpengaruh terutama dalam kalangan penduduk Sungai Sariaik dan kawasan sekitarnya. Ia biasanya dipajang di premis perniagaan seperti rumah makan, kedai runcit, gerai dan pelbagai tempat usaha lain sebagai satu tradisi yang sudah berakar umbi.[5]

Berdasarkan pemerhatian penulis di lapangan, masyarakat Nagari Sungai Sariaik menganggap Buya Ungku Saliah sebagai seorang yang memiliki *karamah*. Salah satu peristiwa yang sering dirujuk ialah kejadian kebakaran di Pasar Padang Alai sekitar tahun 1970-an. Dalam peristiwa tersebut, terdapat sebuah bangunan yang terselamat daripada api dan setelah diselidiki didapati terdapat foto Ungku Saliah di dalamnya. Sejak itu, para peniaga mula percaya bahawa insiden itu merupakan manifestasi *karamah* Ungku Saliah, lalu mereka mula memajang fotonya di tempat perniagaan masing-masing. Sebahagian masyarakat percaya bahawa walaupun niat utama bukanlah untuk "menarik rezeki", namun dengan keberkatan kewalian Ungku Saliah memajang foto beliau diyakini membawa keberkatan rezeki daripada Allah SWT.[6] Selain itu, seorang ulama tempatan turut menjelaskan bahawa tradisi memajangkan foto Ungku Saliah ini berkait rapat dengan kisah sejarah beliau yang pernah menawar barang dagangan penduduk setempat. Namun begitu, kerana peniaga enggan menjual barang tersebut pada harga yang ditawarkan oleh Ungku Saliah barang dagangan tersebut akhirnya tidak terjual langsung. Rentetan daripada peristiwa itu, masyarakat beranggapan bahawa setiap kali Ungku Saliah menawar sesuatu barang maka ia harus dijual kerana selepas itu barang dagangan lain akan menjadi laris dijual.[7] Berdasarkan temu

bual tersebut, dapat disimpulkan bahawa memajangkan foto Ungku Saliah dianggap sebagai satu usaha untuk mengharapkan keberkatan daripada Allah SWT. Pandangan ini merupakan persepsi umum dalam kalangan individu yang memajang foto beliau. Ada juga yang menganggap perbuatan ini sebagai *wasilah* atau satu bentuk *tawassul* kepada Allah SWT. Kajian ini bertujuan untuk meneroka pemahaman masyarakat terhadap pelaksanaan tradisi memajangkan foto Ungku Saliah di Nagari Sungai Saria, Daerah Padang Pariaman, Indonesia.

2. Kajian Literatur

Tawassul merujuk kepada penggunaan perantara dalam berdoa kepada Allah SWT, di mana seseorang hamba menyebut sesuatu yang dianggap mempunyai keutamaan atau kedekatan dengan Allah dengan tujuan agar doanya diperkenankan. Salah satu bentuk *tawassul* yang berkembang dalam masyarakat ialah melalui peninggalan para ulama atau individu soleh seperti pakaian, kitab, atau bahkan foto. Amalan ini bukanlah satu bentuk penyembahan tetapi lebih kepada usaha spiritual untuk mengingat jasa, perjuangan dan ketakwaan tokoh-tokoh tersebut. Dalam konteks ini, peninggalan para ulama difahami oleh masyarakat sebagai satu motivasi spiritual untuk mendekati diri kepada Allah SWT serta memperkukuh doa khususnya dalam memohon keberkatan dan rezeki. Pemahaman ini bertepatan dengan prinsip bahawa segala bentuk permintaan tetap hanya ditujukan kepada Allah SWT, manakala *wasilah* atau perantara hanyalah pendekatan spiritual semata-mata. Hal ini selari dengan firman Allah SWT dalam Surah al-Ma'idah, ayat 35 yang bermaksud:

"Wahai orang-orang yang beriman! Bertakwalah kamu kepada Allah dan carilah jalan untuk mendekatkan diri kepada-Nya (wasilah)." (Surah al-Ma'idah: 35)

Ulama Ahlussunnah wal Jama'ah seperti Imam an-Nawawi dan Imam al-Subki membenarkan amalan *tawassul* melalui perantara individu soleh, selagi mana ia tidak disertai dengan kepercayaan yang menyimpang. Bahkan, Ibn Taimiyah turut menyatakan bahawa *tawassul* melalui individu soleh yang telah meninggal dunia termasuk dalam isu khilafiyah (perbezaan pendapat) dan tidak boleh dihukum sebagai syirik sekiranya pelakunya masih berpegang teguh bahawa hanya Allah SWT yang mempunyai kuasa untuk memberi manfaat dan mudarat.[8] Dalam praktik masyarakat, *tawassul* melalui peninggalan ulama seperti foto Ungku Saliah bukanlah satu bentuk penyembahan terhadap foto tersebut sebaliknya ia dilihat sebagai simbol penghormatan serta usaha untuk meneladani kesolehan, semangat dakwah dan perjuangan beliau dalam menegakkan ajaran Islam.[9] Oleh itu, selagi mana pemahaman terhadap amalan *tawassul* ini kekal dalam kerangka tauhid yang murni maka ia boleh dianggap sebagai sebahagian daripada tradisi Islam yang menghargai pewaris ilmu dan warisan agama.[10]

3. Metodologi

Kajian ini bertujuan untuk meneliti pemahaman masyarakat di Sungai Saria, Daerah Padang Pariaman berkaitan dengan amalan memajangkan foto Ungku Saliah yang lazim diletakkan di rumah, kedai, dan premis makanan. Penyelidikan ini menggunakan kaedah kualitatif berbentuk kajian lapangan (*field research*) dan pendekatan fenomenologi. Teknik pengumpulan data dilakukan melalui pemerhatian (*observasi*), temu bual mendalam serta dokumentasi yang berkaitan dengan isu kajian. Penulis telah mengenal pasti dan menemubual beberapa informan utama yang terdiri daripada tokoh pentadbiran, tokoh agama, tokoh adat, para peniaga, dan anggota masyarakat yang terlibat secara langsung dalam tradisi memajangkan foto Ungku Saliah di kawasan Sungai Saria. Setelah data diperolehi, ia melalui proses penapisan dan analisis. Data dianalisis secara tematik dan dibentangkan dalam bentuk naratif, jadual, dan grafik bagi memudahkan pemahaman serta memudahkan rumusan kesimpulan dibuat secara objektif.

4. Dapatan Kajian dan Perbincangan

Dalam bahagian ini, penulis menghuraikan dengan terperinci dapatan kajian yang berkaitan dengan topik utama penyelidikan.


Biografi Ungku Saliah sebagai Penyebar Agama Islam



Gambar 1: Foto Syekh Buya Ungku Saliah[11]


Tokoh-tokoh ulama Minangkabau dari daerah Pariaman memiliki pengaruh yang besar dalam pembentukan pemikiran dan amalan keagamaan masyarakat setempat. Salah seorang tokoh yang paling menonjol ialah Tuanku Buya Saliah atau lebih dikenali sebagai Tuanku Kiramatullah Buya Saliah. Beliau merupakan antara murid kepada Syekh Burhanuddin dan aktif dalam ajaran Islam beraliran tarekat khususnya Tarekat Syattariyah. Tarekat Syattariyah ialah salah satu aliran tasawuf yang menekankan aspek kerohanian mendalam antaranya ajaran (*Wahdatul Wujud*) konsep penyatuan antara wujud Tuhan dan manusia serta (*Wahdatul Syuhud*) keyakinan rohani tentang keesaan Allah yang mendalam dan mutlak. Aliran tarekat ini berkembang secara meluas di kawasan Pariaman, menjadikan pengikutnya yang dikenali sebagai mursyid sangat ramai khususnya di wilayah Minangkabau. Buya Saliah berasal daripada keturunan suku Sikumbang dan Mandailiang. Ibunya bernama Tuneh manakala ayahnya bernama M. Ali. Beliau merupakan anak sulung daripada lima orang adik-beradik, iaitu Dawaik, Kundua, Munaf, Iyak, dan Harun. Tuanku Buya Saliah dilahirkan pada 3 Ogos 1887 di Desa Pasa Panjang, Nagari Sungai Sariak, Kecamatan VII Koto, Kabupaten Padang Pariaman, Sumatera Barat. Sejak usia remaja, beliau sudah menunjukkan minat yang mendalam dalam menuntut ilmu agama. Peribadi beliau yang luhur, soleh, rajin beribadah serta bersifat lemah-lembut dan disenangi oleh masyarakat menjadikannya tokoh yang sangat dihormati.

Nama *Buya Saliah* bukanlah nama asal yang diberikan oleh ibu bapanya. Beliau dikenali dengan panggilan Dawaik atau Kuluai ketika kecil. Gelaran *Saliah* diberikan oleh gurunya Syekh Muhammad Yatim dari Guguak Ampalu Tinggi, Sungai Sariak. Disebabkan akhlak dan komitmennya dalam menuntut ilmu gurunya amat menyayangi beliau dan kemudiannya Buya Saliah meneruskan perjuangan dakwah Islam sebagaimana gurunya. Sebagai seorang guru agama yang disegani, beliau turut diberi gelaran *Tuanku* oleh masyarakat setempat. Gelaran *Kiramat* pula diberikan oleh masyarakat sebagai tanda pengiktirafan terhadap karamah atau kelebihan luar biasa yang dimiliki beliau. Salah satu bentuk karamah yang diriwayatkan oleh kerabat beliau iaitu Abdul Latif menyatakan bahawa kebolehan Buya Saliah untuk *meraga sukma* (ilmu membelah jiwa). Kisah ini merujuk kepada pengalaman Buya Saliah sewaktu dipenjarakan oleh tentera Belanda selama empat tahun (1945-1949) semasa Agresi Militer Belanda. Beliau dikatakan mampu keluar dari jeriji penjara ketika tiba waktu solat dan menunaikannya di masjid kemudian kembali semula ke sel penjara setelah selesai. Antara karamah lain yang dinisbahkan kepadanya ialah kekebalan terhadap peluru. Diceritakan bahawa tentera Belanda pernah cuba menembak Buya Saliah namun peluru tersebut tidak mencederakannya sebaliknya menembusi tubuhnya seperti menembusi air. Kejadian ini menyebabkan tentera penjajah menjadi bingung dan takut kepada beliau. Keistimewaan-keistimewaan ini menjadikan Buya Saliah sebagai tokoh yang sangat dihormati dan dikagumi bukan sahaja kerana ilmunya tetapi juga kerana karisma dan sifat rohaninya yang luar biasa. Pengaruh beliau terus hidup dalam masyarakat melalui ajaran, kenangan, dan amalan tradisi seperti memajang foto beliau sebagai tanda penghormatan dan kepercayaan terhadap keberkatannya.



Gambar 2: Ranji Keturunan Ungku Saliah Sabalah Kamanakan [12]

Ranji keturunan yang dinyatakan di atas menjadi bukti kukuh tentang kewujudan sebenar Tuanku Buya Saliah sebagai seorang ulama sufi dari kalangan masyarakat Minangkabau di daerah Pariaman. Dokumentasi ini menjelaskan bahawa Tuanku Saliah mempunyai zuriat yang ramai. Ranji tersebut telah disusun dan direkodkan oleh pihak pengurusan Gobah Makam Tuanku Saliah yang terdiri daripada kerabat, anak kemenakan dan cicit beliau sendiri. Ranji ini kemudiannya dipamerkan di dalam kawasan Gobah makam Buya Saliah sebagai satu bentuk informasi awam kepada masyarakat. Tujuannya adalah untuk membuktikan kewujudan sebenar tokoh ini dan menolak sebarang dakwaan atau anggapan daripada pihak tertentu yang menyatakan bahawa Tuanku Buya Saliah hanyalah tokoh mitos atau rekaan semata-mata dalam sejarah keagamaan di Pariaman.



Gambar 3: Ranji Garis Keturunan Syekh Ungku Saliah [13]

Selain itu, silsilah keturunan Tuanku Buya Saliah turut memperkukuhkan lagi kewujudan dan pengaruh beliau dalam kalangan asyarakat. Buya Saliah dikenali sebagai seorang tokoh yang ramah dan berbudi pekerti tinggi kepada semua golongan asyarakat. Sikap lemah-lembut dan kebijaksanaan dalam berinteraksi menjadikan beliau sangat disegani dan dihormati oleh asyarakat sekeliling. Tuanku Buya Saliah diketahui mempunyai tujuh orang isteri, iaitu Uwai Belok (isteri pertama), Siti Rahmah, Umi Rukiyah, Uwai Karuik, Hajah Umi Munah, Uwai Raba’ni dan Umi Rohana. Meskipun beristeri ramai beliau dikenali sebagai seorang yang sangat adil dalam melayani para isteri dan anak-anaknya.


Jadual 1: Rincian Keturunan Syekh Buya Ungku Saliah[14]

NO	ISTRI	ANAK	CUCU
1	Uwai Belok	Mak Pamak Anak T	
2	Siti Rahmah (Sei. Rotan, Pariaman)	Aburuddin	Rakena Mukhtar M. Yunus

			Jalaluddin M. Yusuf Rosdiana Zaenuddin M. Mukhlis M. Nur M. Musni Bustami Ibrahim
3	Umi Rukiyah (Sikayan, Lb. Alung)	Salamah	Jasmaini
4	Uwai Karuik (P. Laweh, Lb. Alung)	Husin Kabir Tuanku Andah	Rabi'ah Ali Anwar Maraini Suman Karim Zainab Ahmad Karim Tarmizi Ratna Wilis Zainis Zulkarnaini
		Salmiah	Maisar Muazuddin, Tk. Imam Bandaro Asmiyati, M.Pd Syafuruddin, SK, MM Bismar Tarmaini M. Zairilen Masrizal Zainul Abidin, Tk. Malin Nani Setiani
		Husin Saghir	Aminah
5	Hj. Umi Munah (Tarok, Sei. Sariak)	Abu Kasim Tuanku Nan Renceh	Hamzah M. Yunus, Tk. Mudo Ahmad Hamidah, S.Ag Samuil Abdul Malik, Tk. Sulaiman Daud Zainab, S.Pd Elviah Hasan Bashri Latifah, S.Ag Salmiati Mahmud
		Abdullah	
		Hj. Aminah	Fatimah, S.s Syarifah Radiyah is Elmin Elman Zakiyah
6	Uwai Raba'ni (Cimpago, Pariaman)	H. Ahmad Tuanku Ketek	Damanhuri Faisal Samuel Habibullah, Tk. Imam Safe'I, S.Pd Hanafi

			Assiyah, S.Pd Hasanuddin
		Sulaiman Tuanku Kaciak	Lukman D3 Industri Saiful Asiyah Mutiara
7	Umi Rohana (Ambung Kapur)	Siti Rahmah	Muslim, Tk. Rajo Bulan Misrawati Abdul Muhsin, Tk. Sutan Murniati M. Mahlil
		Shofiah	Ilyas Maimunah Siti Maryam, S.Pd Azhari Ilyassahri, Tk Nan Renceh Abdul Muis, Tk. Khalifah M.Yusuf Siti Aissyah
		Yusuf Tuanku Sidi Talua	
		Hj. Syarifah Nur	Fauziah Hidayat Rahayu Rahima Siti Masyitah M. Fiqri

Tuanku Buya Saliah mempunyai pertalian yang sangat erat dengan Syekh Burhanuddin khususnya dalam aspek ajaran ketarekatan. Hubungan ini bukan sahaja bersifat spiritual tetapi juga melalui satu garis silsilah ilmu dan amalan dalam ajaran tarekat. Beliau merupakan salah seorang daripada rangkaian generasi penerus ajaran Syekh Burhanuddin dalam jalur Tarekat Syattariyah yang berakar kukuh dalam sejarah perkembangan Islam di Minangkabau. Pertalian ini digambarkan secara jelas melalui grafik silsilah keturunan spiritual yang menunjukkan kesinambungan ajaran tarekat daripada Syekh Burhanuddin kepada generasi Tuanku Buya Saliah. Silsilah ini menjadi bukti sahih bahawa Tuanku Buya Saliah bukan sahaja pewaris secara biologis dan sosial tetapi juga pewaris sah dalam transmisi ilmu kerohanian dan amalan tarekat yang diteruskan kepada masyarakat sekitarnya.



Gambar 4: Bagan Silsilah Keterikatan Ulama Minangkabau Tuanku Buya Saliah[15]

Silsilah keterkaitan antara tokoh-tokoh ulama besar di Sumatera Barat khususnya di wilayah Pariaman, telah menjadi sumber rujukan penting dalam mengenal pasti latar belakang dan pengaruh ulama Minangkabau. Berdasarkan bagan silsilah tersebut, jelas menunjukkan bahawa Tuanku Buya Saliah tergolong dalam rangkaian

ulama berpengaruh yang meneruskan warisan keilmuan dan spiritual Islam di kawasan tersebut. Justeru, tidak menghairankan apabila beliau turut diangkat sebagai tokoh ulama yang mempunyai pengaruh besar terhadap masyarakat dalam aspek keagamaan dan sosial. Ajaran Islam yang dibawa oleh Tuanku Buya Saliah berpegang kepada mazhab Syafi'i sejajar dengan pegangan majoriti ulama Minangkabau. Keunikan dakwah beliau terserlah melalui pendekatan intelektual yang bersifat praktikal antaranya dengan membelikan tudung (jilbab) kepada wanita serta menyediakan gula dan beras untuk membantu masyarakat setempat. Pendekatan ini menjadikan hubungan beliau dengan masyarakat amat erat dan berkesan kerana pendekatannya tidak hanya bersifat lisan tetapi turut dizahirkan melalui tindakan kebajikan. Dari sudut sejarah, Tuanku Buya Saliah juga dikenang sebagai seorang pejuang kemerdekaan yang turut serta menentang penjajahan Belanda. Beliau bersama murid-murid dan para pengikutnya pernah ditangkap dan dipenjarakan selama empat tahun di kawasan Sicincin yang ketika itu dijadikan markas tentera kolonial Belanda. Perjuangan beliau dalam menentang penjajahan menjadikan beliau sangat dihormati dan diteladani hingga sebahagian besar masyarakat Pariaman menjadi pengikut dan pendukung ajaran serta perjuangannya. Salah satu kisah yang sering diceritakan masyarakat ialah kemampuan Buya Saliah membaca petanda masa hadapan. Antaranya, beliau telah memberi amaran kepada masyarakat Pariaman agar mencari tempat perlindungan sebelum serangan bom oleh tentera Belanda yang kemudiannya berlaku di kawasan Lubuk Alung, Pariaman. Amaran tersebut dipercayai menyelamatkan banyak nyawa apabila masyarakat berlindung di Surau Kaum iaitu surau yang dibina oleh Buya Saliah sendiri. Surau Kaum yang dimaksudkan kini dikenali sebagai Gobah Makam Tuanku Saliah dan telah menjadi destinasi pelancongan rohani (wisata religi) yang dikunjungi oleh penduduk setempat dan luar daerah khususnya masyarakat Pariaman dan Padang Pariaman. Selepas kewafatan beliau pada tahun 1974 banyak nilai keteladanan ditinggalkan dan terus dihayati masyarakat, yang kemudiannya membentuk sebuah budaya unik iaitu amalan memajangkan foto beliau. Tujuan utama masyarakat memajangkan foto Tuanku Buya Saliah adalah sebagai tanda penghormatan dan penghargaan atas perjuangan serta sumbangan besar beliau dalam penyebaran ilmu agama. Ia juga menjadi simbol warisan spiritual dan identiti keislaman yang terus hidup dalam budaya masyarakat Minangkabau.[15]

Pemahaman Masyarakat terkait dengan Pemajangan Foto Ungku Saliah

Kepercayaan terhadap simbol-simbol spiritual masih begitu kuat dalam kalangan masyarakat Minangkabau khususnya di daerah Pariaman. Hal ini dapat dilihat melalui amalan memajangkan foto Ungku Saliah di premis-premis perniagaan sebagai tanda penghormatan dan ikhtiar spiritual. Ungku Saliah, seorang tokoh ulama kelahiran Pariaman sekitar tahun 1887 pada asalnya dikenali dengan nama Dawaik sebelum menerima gelaran *Saliah* setelah mendalami ilmu tarekat bersama gurunya. Dalam amalan keagamaan, beliau mengikuti mazhab Syafi'i dan dikenali sebagai seorang yang memiliki pelbagai keistimewaan yang diyakini sebagai anugerah daripada Allah SWT. Dalam kalangan masyarakat beliau dipercayai memiliki kemampuan menyembuhkan penyakit menggunakan bahan-bahan sekeliling serta berupaya meramalkan kejadian masa hadapan. Salah satu kelebihan lain yang sering disebut ialah kebolehannya untuk *memecah raga* iaitu berada di dua tempat yang berbeza pada masa yang sama. Kepercayaan terhadap karamah-karamah ini mengukuhkan penghormatan masyarakat terhadap beliau sebagai tokoh rohani yang agung dan terus dikenang hingga ke hari ini.[16]

Ungku Saliah telah wafat pada 3 Ogos 1974 di kediamannya di Nagari Sungai Sariak. Selepas kewafatannya keyakinan terhadap kekeramatannya semakin tersebar luas terutamanya dalam kalangan murid-murid yang beraliran tarekat Syattariyah sebaris dengan warisan keilmuan tokoh besar Hamzah Fansuri. Hingga kini, ramai dalam kalangan masyarakat Pariaman masih menganggap beliau sebagai sosok yang keramat. Sebahagian daripada mereka percaya bahawa memajangkan foto Ungku Saliah di tempat perniagaan dapat membawa keberkatan malah dipercayai mampu meningkatkan daya tarikan pelanggan dan melariskan perniagaan. Namun, terdapat juga segolongan yang memajangkan foto beliau semata-mata sebagai tanda penghormatan dan kekaguman terhadap keperibadian beliau sebagai ulama yang soleh dan berilmu tinggi.[17] Tradisi pemajangan foto Ungku Saliah ini bermula daripada peranan beberapa individu penting di Nagari Sungai Sariak. Antara tokoh awal tersebut ialah Ardi (juga dikenali sebagai Jodi) yang pernah menjalankan perniagaan percetakan gambar di kawasan tersebut. Turut dikenali ialah Bang Mus antara individu pertama yang memiliki foto asli Ungku Saliah. Pada ketika itu, masyarakat yang ingin memiliki gambar beliau perlu mendapatkan izin secara langsung daripada beliau sendiri. Setelah mendapat keizinan barulah gambar tersebut dicetak dan disebarkan.

Fenomena ini kemudiannya berkembang apabila individu lain yang melihat foto tersebut turut meminta salinan menjadikan penyebaran gambar sebagai satu amalan berantai yang berakar umbi dalam budaya masyarakat setempat.[18]

Menariknya, sepanjang hayatnya Ungku Saliah dikenali sebagai seseorang yang tidak gemar gambarnya diambil. Ketika diminta oleh masyarakat untuk difoto beliau pada mulanya enggan kerana bimbang gambar tersebut disalahgunakan terutama dalam konteks kepercayaan masyarakat yang mengaitkannya dengan *pelaris* dagangan. Namun, disebabkan permintaan yang berterusan beliau akhirnya mengizinkan dirinya untuk difoto dengan syarat gambar tersebut hanya diambil dari bahagian separuh badan ke atas. Sikap berhati-hati ini mencerminkan prinsip beliau dalam menjaga adab dan niat serta usaha beliau untuk mengelakkan salah tafsir atau penyimpangan dalam penggunaan gambarnya sebagai simbol spiritual.[19] Versi lain berkenaan sejarah awal pemotretan Ungku Saliah menyatakan bahawa pada mulanya setiap usaha untuk merakamkan gambar beliau sering kali menemui kegagalan kerana wajah beliau tidak dapat dirakam oleh lensa kamera. Keadaan ini dipercayai berlaku kerana belum adanya keizinan daripada beliau sendiri. Namun, ketika usia beliau semakin lanjut cucu-cucu beliau dengan penuh hormat memohon agar dibenarkan mengambil gambar beliau sebagai kenangan. Cucu-cucu beliau menyatakan, *"Jika suatu hari nanti Buya wafat, apa yang boleh kami lihat dan kenang daripada Buya?"* Mendengar permintaan yang tulus itu Ungku Saliah akhirnya memberikan keizinan dan gambar beliau berjaya dirakam buat pertama kalinya. Peristiwa ini menjadi detik penting yang menandakan kewujudan gambar Ungku Saliah yang kini sangat dihormati dan dianggap simbol spiritual oleh masyarakat.[20] Tradisi memajangkan foto Ungku Saliah mula meluas selepas kewafatan beliau dan menjadi satu budaya yang tersebar dalam kalangan masyarakat Padang Pariaman. Gambar beliau bukan sahaja dipajang di rumah-rumah dan kedai-kedai di kampung halaman tetapi turut ditemukan di premis perniagaan milik para perantau asal Pariaman yang menetap dan berniaga di luar daerah. Amalan ini kini menjadi sebahagian daripada budaya tempatan yang diwariskan secara turun-temurun.

Sebagaimana tradisi lain dalam masyarakat Minangkabau pemajangan foto ini membawa nilai sosial yang signifikan kerana mencerminkan identiti serta pola budaya kelompok. Di samping menjadi lambang penghormatan kepada tokoh agama yang dihormati gambar Ungku Saliah juga berfungsi sebagai penanda identiti bahawa seseorang berasal dari Padang Pariaman. Dalam konteks perantaraan tradisi ini turut menjadi mekanisme penting yang mengukuhkan ikatan silaturrahim dan solidariti antara warga Minangkabau sekaligus memudahkan mereka untuk saling mengenali dan berhubung dalam kalangan diaspora mereka.[21] Sejarah tradisi pemajangan foto Ungku Saliah turut dijelaskan oleh Bapak Ilyassahri Tuanku Nan Renceh seorang ulama yang juga merupakan cucu kepada Ungku Saliah. Menurut beliau, sepanjang hayatnya Ungku Saliah dikenali sebagai individu yang membawa keberkatan kepada masyarakat. Diceritakan bahawa apabila beliau menawarkan sesuatu barang dagangan dan peniaga bersetuju menjualnya barang tersebut akan habis terjual dalam waktu yang singkat. Dari pengalaman ini masyarakat mula mempercayai bahawa kehadiran Ungku Saliah membawa rezeki dan keberkatan. Meskipun beliau telah wafat sebahagian masyarakat masih merasakan seolah-olah beliau terus hidup secara spiritual dan berharap untuk memperoleh keberkatan melalui perantara beliau sebagai anugerah daripada Allah SWT. Berdasarkan kepercayaan ini, tradisi memajangkan foto beliau di tempat usaha muncul dan berkembang. Terdapat dua keyakinan utama yang menjadi asas kepada amalan ini: Pertama, masyarakat percaya bahawa kehadiran foto beliau di kedai atau tempat usaha boleh mendatangkan kelancaran rezeki sebagaimana ketika beliau sering mengunjungi premis-premis perniagaan semasa hayatnya. Kedua, dipercayai juga bahawa dengan adanya foto tersebut individu yang berniat jahat termasuk pengamal sihir akan kehilangan kekuatannya dengan izin Allah SWT.[22]

Kepercayaan ini mengakar kuat dalam budaya masyarakat Nagari Sungai Sariak. Ramai pengagum Ungku Saliah mempercayai bahawa dengan memajang foto beliau keberkatan akan mengalir ke dalam kehidupan mereka. Terdapat juga kisah berkaitan kekuatan spiritual Ungku Saliah dalam konteks ekonomi apabila beliau menawarkan barang di pasar dan tawarannya diterima barang tersebut dipercayai akan terjual dengan cepat. Sebaliknya, jika tawarannya ditolak barangan itu dianggap sukar dijual. Cerita-cerita ini mencerminkan penghormatan mendalam masyarakat terhadap Ungku Saliah sebagai tokoh spiritual yang memiliki pengaruh besar dalam kehidupan harian.[23] Namun begitu, adalah penting untuk diingat bahawa keberkatan dan rezeki tidak bergantung sepenuhnya kepada kehadiran gambar atau simbol semata-mata. Rezeki setiap makhluk telah ditetapkan oleh Allah SWT sebagaimana yang disebutkan dalam Surah Hud, ayat 6. Sebagai hamba-Nya menjadi

kewajipan kita untuk berusaha dan berdoa dengan sepenuh hati tanpa bergantung kepada perantara yang boleh membawa kepada salah faham dalam aspek tauhid. Bagi memahami lebih lanjut sebab-sebab masyarakat memajang foto Ungku Saliah, penulis turut menjalankan temu bual bersama beberapa peniaga di Nagari Sungai Sariak. Antaranya ialah Bapak Iskandar pemilik Kedai Sate Alen yang telah memajang foto Ungku Saliah di kedainya sejak dahulu lagi. Menurut beliau gambar tersebut telah ada sejak zaman orang tuanya dan kini diwarisi sebagai tradisi turun-temurun. Bagi beliau dan masyarakat setempat foto itu bukan sekadar lambang pelaris dagangan tetapi lebih kepada simbol penghormatan dan kenangan terhadap tokoh ulama yang disegani.[24] Malah, menurut sebahagian peniaga lain amalan memajangkan foto tersebut dianggap sebagai penghormatan terhadap warisan Islam. Salah seorang responden bapak Ramsi menegaskan bahawa kelebihan dan keistimewaan yang dimiliki Ungku Saliah bukanlah hasil sihir atau jampi serapah sebaliknya merupakan ilham dan anugerah daripada Allah SWT. Ini sekaligus menunjukkan bahawa keyakinan masyarakat terhadap beliau berpaksikan kepada pemahaman bahawa segala kebaikan datang daripada Allah dan foto tersebut hanyalah simbol kepada perjuangan dan keteladanan seorang tokoh agama yang agung.[25]

Bagi sebahagian masyarakat, pemajangan foto Ungku Saliah merupakan satu bentuk penghormatan dan peringatan terhadap seorang ulama yang dipercayai membawa keberkatan serta memperjuangkan kebenaran dalam kehidupan umat Islam. Berdasarkan temu bual dengan beberapa peniaga di Nagari Sungai Sariak, dapat dirumuskan bahawa amalan ini dilakukan atas dasar keyakinan terhadap kekeramatan dan keistimewaan beliau sebagaimana yang diceritakan oleh generasi terdahulu. Foto beliau bukan sekadar simbol tetapi juga manifestasi penghormatan dan warisan spiritual. Namun demikian, menurut pandangan ahli keluarga Ungku Saliah khususnya Ungku H. Lathif, pemajangan foto tersebut hendaklah dilakukan dengan niat dan batasan yang jelas. Walaupun tidak dilarang memajangkan foto dengan tujuan untuk mendapatkan keberkatan secara langsung adalah tidak wajar kerana boleh menjurus kepada perbuatan yang menduakan Allah SWT. Di samping itu foto tersebut perlu dijaga dan diletakkan dengan penuh adab. Sekiranya tidak dijaga dengan baik, dipercayai pemilik foto tersebut boleh mengalami akibat yang tidak diingini. Pandangan ini menekankan bahawa tradisi ini mestilah dilakukan dalam lingkungan akidah yang benar serta disertai rasa hormat yang tinggi.[26] Keturunan beliau termasuk Ibu Jawani menjelaskan bahawa amalan ini dilakukan kerana keyakinan bahawa Ungku Saliah merupakan seorang tokoh yang keramat. Ramai dalam kalangan masyarakat percaya bahawa beliau mempunyai kemampuan untuk mengetahui hal-hal ghaib termasuk peristiwa masa depan. Namun, penting difahami bahawa sebarang permohonan atau hajat tidak diajukan kepada Ungku Saliah secara langsung sebaliknya ia hanyalah sebagai perantara untuk memperkuat janji dan harapan kepada Allah SWT. [27] Bahkan, apabila seseorang memperoleh rezeki mereka digalakkan menyumbang ke dalam kotak infak di sekitar makam beliau sebagai tanda kesyukuran dan peringatan terhadap niat atau nazar yang pernah dibuat.[28]

Di Nagari Sungai Sariak, pemajangan foto Ungku Saliah terutamanya di kedai-kedai dilakukan kerana keyakinan terhadap kesalehan dan status beliau sebagai wali Allah. Salah satu kisah yang memperkukuh kepercayaan ini ialah apabila berlaku kebakaran di sebuah rumah yang memajang foto beliau namun foto tersebut kekal utuh dan tidak terbakar. Bagi masyarakat, peristiwa ini dianggap sebagai bukti kekeramatan Ungku Saliah. Walau bagaimanapun, dalam konteks ajaran Islam, pemajangan gambar ulama atau individu yang soleh perlu dilihat melalui lensa syariat yang jelas. Tidak menjadi kesalahan untuk memajang gambar tokoh agama selagi ia diletakkan di tempat yang mulia dan dihormati. Namun yang lebih utama ialah mengambil contoh daripada ibadah, akhlak, dan perjuangan mereka dalam menyebarkan ilmu dan mendidik masyarakat. Penghormatan terhadap ulama haruslah dizahirkan melalui amalan seperti solat berjemaah, berzikir, membaca al-Qur'an, bersikap lemah-lembut, dan mendidik masyarakat dengan hikmah. Sebaliknya, jika foto tersebut hanya digunakan untuk tujuan keuntungan duniawi semata-mata contohnya untuk melariskan jualan atau menarik pelanggan maka niat tersebut adalah tidak tepat. Oleh itu, niat dalam memajang foto tokoh ulama perlu ditetapkan pada landasan yang benar, iaitu atas dasar kasih terhadap ilmu, penghargaan terhadap perjuangan dakwah dan sebagai peringatan kepada kebaikan yang ditinggalkan oleh insan yang mulia tersebut.[29] Dalam konteks umum memajangkan gambar merujuk kepada tindakan menayangkan atau mempamerkan gambar sama ada di media sosial, album foto mahupun dinding rumah. Tujuan pemajangan ini berbeza-beza antaranya untuk mengenang memori, berkongsi kebahagiaan atau sekadar menjadi hiasan. Namun begitu, dalam Islam terdapat beberapa pertimbangan khusus berkaitan dengan amalan ini terutama apabila ia melibatkan gambar makhluk bernyawa seperti manusia atau haiwan. Antara garis panduan utama ialah larangan menzahirkan

aurat, menjauhkan diri daripada unsur riak dan kesombongan, mengelakkan pameran kemewahan atau kekayaan serta memastikan bahawa gambar tersebut tidak digunakan dalam konteks yang bercanggah dengan prinsip tauhid. Dalam beberapa hadis, Rasulullah SAW memberikan amaran tegas terhadap perbuatan melukis atau membuat gambar makhluk bernyawa.

Antara hadis yang sering dirujuk ialah:

مَنْ صَوَّرَ صُورَةً فَإِنَّ اللَّهَ مُعَذِّبُهُ حَتَّى يَنْفُخَ فِيهَا الرُّوحَ وَلَيْسَ بِنَافِخٍ فِيهَا أَبَدًا

حَدَّثَنَا عَبْدُ اللَّهِ بْنُ عَبْدِ الْوَهَّابِ حَدَّثَنَا يَزِيدُ بْنُ زُرَيْعٍ أَخْبَرَنَا عَوْفٌ عَنْ سَعِيدِ بْنِ أَبِي الْحَسَنِ قَالَ كُنْتُ عِنْدَ ابْنِ عَبَّاسٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا إِذْ أَتَاهُ رَجُلٌ فَقَالَ يَا أَبَا عَبَّاسٍ إِنِّي إِنْسَانٌ إِنَّمَا مَعِيشَتِي مِنْ صَنْعَةِ يَدَيَّ وَإِنِّي أَصْنَعُ هَذِهِ النَّصَاوِيرَ فَقَالَ ابْنُ عَبَّاسٍ لَا أُحَدِّثُكَ إِلَّا مَا سَمِعْتُ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَقُولُ سَمِعْتُهُ يَقُولُ مَنْ صَوَّرَ صُورَةً فَإِنَّ اللَّهَ مُعَذِّبُهُ حَتَّى يَنْفُخَ فِيهَا الرُّوحَ وَلَيْسَ بِنَافِخٍ فِيهَا أَبَدًا قَرِيبًا الرَّجُلُ رَبُّوَةٌ شَدِيدَةٌ وَاصْفَرَّ وَجْهُهُ فَقَالَ وَيْحَكَ إِنْ أَبَيْتَ إِلَّا أَنْ تَصْنَعَ فَعَلَيْكَ بِهِذَا الشَّجَرِ كُلِّ شَيْءٍ لَيْسَ فِيهِ رُوحٌ قَالَ أَبُو عَبْدِ اللَّهِ سَمِعَ سَعِيدُ بْنُ أَبِي عَزُوبَةَ مِنَ النَّضْرِ بْنِ أَنَسٍ هَذَا الْوَأَجَدَ

Telah menceritakan kepada kami 'Abdullah bin 'Abdul Wahhab telah menceritakan kepada kami Yazid bin Zurai' telah mengabarkan kepada kami 'Auf dari Sa'id bin Abi Al Hasan berkata: Aku pernah bersama Ibnu 'Abbas radliyallahu 'anhu ketika datang seorang kepadanya seraya berkata: "Wahai Abu 'Abbas, aku adalah seorang yang mata pencaharianku adalah dengan keahlian tanganku yaitu membuat lukisan seperti ini." Maka Ibnu 'Abbas berkata: "Aku tidaklah menyampaikan kepadamu perkataan melainkan dari apa yang pernah aku dengar dari Rasulullah shallallahu 'alaihi wa sallam yang Beliau bersabda: "Sesiapa yang melukis satu gambar (mahluk bernyawa), maka Allah akan menyiksanya sehingga dia mampu meniupkan roh ke dalamnya padahal dia tidak akan mampu melakukannya selama-lamanya." (Riwayat al-Bukhari: No. 2073). [37]

Sebuah lagi hadis daripada Ummu Habibah dan Ummu Salamah menyebutkan:

حَدَّثَنَا مُحَمَّدُ بْنُ الْمُثَنَّى قَالَ حَدَّثَنَا يَحْيَى عَنْ هِشَامٍ قَالَ أَخْبَرَنِي أَبِي عَنْ عَائِشَةَ أُمِّ الْمُؤْمِنِينَ أَنَّ أُمَّ حَبِيبَةَ وَأُمَّ سَلَمَةَ ذَكَرْنَا كَيْبَسَةَ رَأَيْتَهَا بِالْحَبَشَةِ فِيهَا نَصَاوِيرٌ فَذَكَرْنَا لِلنَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَقَالَ إِنَّ أَوْلَيْكَ إِذَا كَانَ فِيهِمُ الرَّجُلُ الصَّالِحُ فَمَاتَ بَنُوًا عَلَى قَبْرِهِ مَسْجِدًا وَصَوَّرُوا فِيهِ تِلْكَ الصُّورَ فَأَوْلَيْكَ شِرَارُ الْخَلْقِ عِنْدَ اللَّهِ يَوْمَ الْقِيَامَةِ

Telah menceritakan kepada kami Muhammad bin Al Mutsanna berkata: telah menceritakan kepada kami Yahya dari Hisyam berkata :Bapakku mengabarkan kepadaku dari' Aisyah Ummul Mukminin, bahwa "Mereka menceritakan tentang sebuah gereja yang mereka lihat di Habsyah yang terdapat gambar-gambar di dalamnya. Rasulullah SAW bersabda: 'Orang-orang terdahulu, apabila seseorang yang soleh dalam kalangan mereka meninggal dunia, mereka akan membina tempat ibadah di atas kuburnya dan melukis gambar orang tersebut. Mereka itu adalah seburuk-buruk makhluk di sisi Allah pada Hari Kiamat. (Riwayat al-Bukhari no. 409) [37]

Berdasarkan hadis-hadis ini, para ulama berbeza pendapat berkenaan hukum memajang atau mempamerkan gambar makhluk bernyawa. Pendapat pertama yang dipegang oleh ulama seperti Syaikh Muhammad bin Ibrahim Alu Syaikh menyatakan bahawa menggambar makhluk bernyawa adalah haram sama ada dilukis dengan tangan atau melalui teknologi moden seperti kamera kecuali dalam keadaan darurat atau untuk tujuan kemaslahatan umum. Sebaliknya, pendapat kedua yang disokong oleh ulama seperti Syaikh Muhammad bin Shaleh al-Utsaimin membenarkan penggunaan gambar (fotografi) dengan syarat tidak melibatkan unsur yang diharamkan seperti menzahirkan aurat, unsur syirik atau penghinaan terhadap agama. Pendapat ini membezakan antara fotografi dan lukisan tangan dengan anggapan bahawa fotografi hanyalah representasi pantulan cahaya bukan hasil kreativiti yang meniru ciptaan Allah.[31] Perbezaan ini menunjukkan bahawa isu pemajangan gambar khususnya gambar tokoh agama seperti Ungku Saliah perlu diteliti dengan seksama berdasarkan niat dan cara ia dilaksanakan. Selagi mana gambar itu digunakan untuk tujuan penghormatan, pendidikan dan memperingati perjuangan dakwah serta tidak disertai dengan niat untuk memohon hajat atau keberkatan secara langsung daripada gambar tersebut maka ia boleh diterima dalam kerangka pandangan yang lebih moderat dan berhikmah.

Meskipun terdapat masyarakat yang menyokong tradisi pemajangan foto Ungku Saliah sebagai tanda penghormatan dan warisan spiritual namun tidak semua pihak bersetuju dengan amalan tersebut. Sebahagian golongan berpendapat bahawa perbuatan memajang gambar termasuk dalam kategori *taswir* iaitu melukis atau menggambarkan makhluk bernyawa yang dilarang dalam Islam.[32] Dalam pemahaman klasik, *taswir* berasal

daripada kata kerja Arab "يُصَوِّر - صَوَّر" yang membawa maksud menggambar atau melukis. Konsep ini mencakupi dua bentuk utama: pertama, lukisan dua dimensi di atas media seperti kertas, dinding atau kanvas, kedua, seni tiga dimensi seperti patung dan arca. Pada zaman Rasulullah SAW larangan terhadap *taswir* lebih ditujukan kepada gambar atau patung makhluk bernyawa yang lengkap dan digunakan untuk tujuan penyembahan atau peniruan ciptaan Allah SWT.[20]

Rasulullah SAW bersabda:

حَدَّثَنَا ابْنُ مِقَاتٍ أَخْبَرَنَا عَبْدُ اللَّهِ أَخْبَرَنَا مَعْمَرٌ عَنْ الزُّهْرِيِّ عَنْ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ عَبْدِ اللَّهِ أَنَّ سَمِعَ ابْنَ عَبَّاسٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا يَقُولُ سَمِعْتُ أَبَا طَلْحَةَ يَقُولُ سَمِعْتُ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَقُولُ لَا تَدْخُلُ الْمَلَائِكَةُ بَيْتًا فِيهِ كَلْبٌ وَلَا صُورَةٌ تَمَاتِيلٌ

Telah bercerita kepada kami Muqatil telah mengabarkan kepada kami 'Abdullah telah mengabarkan kepada kami Ma'mar dari Az Zuhriy dari 'Ubaidullah bin 'Abdullah dia mendengar Ibnu 'Abbas radliyallahu 'anhuma berkata: aku mendengar Abu Thalhaf berkata: aku mendengar Rasulullah shallallahu 'alaihi wa sallam bersabda: "Malaikat tidak akan masuk ke dalam rumah yang terdapat anjing dan gambar (mahluk bernyawa)." (Hadis Riwayat al-Bukhari, No. 2986). [37]

Walau bagaimanapun, perbezaan pendapat wujud dalam kalangan ulama. Menurut pandangan Imam al-Nawawi dalam kitab *Minhaj al-Talibin* gambar atau patung yang tidak lengkap anggotanya (seperti hanya sebahagian tubuh) adalah dikecualikan daripada larangan. Ini turut dipersetujui oleh beberapa ulama kontemporari yang membezakan antara gambar lukisan buatan tangan dan fotografi moden. Syeikh Muhammad bin Shaleh al-Utsaimin sebagai contoh, menyatakan bahawa fotografi hanyalah rakaman cahaya yang tidak boleh diraba secara fizikal dan tidak mencabar ciptaan Allah. Namun, beliau menekankan bahawa gambar tersebut tidak boleh mengandungi unsur yang haram seperti pendedahan aurat, unsur syirik atau penghinaan terhadap agama. Dalam konteks pemajangan foto Ungku Saliah, kebanyakan gambar yang dipaparkan hanyalah dari bahagian dada ke atas. Hal ini dipercayai berdasarkan permintaan dan keizinan khusus daripada beliau semasa hayatnya agar gambar yang diambil tidak menampakkan keseluruhan tubuh termasuk bahagian kaki. Terdapat banyak gambar asli Ungku Saliah, namun kebanyakan tidak dicetak secara meluas atas sebab menjaga adab dan kesopanan. Walaupun beliau tidak menolak permintaan untuk bergambar keizinan tersebut sentiasa diberi dengan syarat yang jelas menggambarkan kehati-hatian beliau dalam menjaga adab syar'i dan menghindari kekeliruan dalam niat dan tujuan.[27] Justeru, berdasarkan pandangan yang lebih sederhana dan berimbang, pemajangan foto separuh badan tokoh agama yang tidak bertentangan dengan prinsip syarak adalah dibolehkan dengan syarat ia dilakukan atas dasar penghormatan, penghayatan terhadap perjuangan dakwah dan sebagai motivasi untuk meneladani amalan kebaikan yang telah ditinggalkan oleh mereka.[21] Sebaliknya, jika gambar digunakan untuk tujuan bertentangan dengan prinsip tauhid seperti memohon hajat secara langsung daripada gambar, menjadikannya simbol keberkatan secara mutlak atau mempercayai ia mempunyai kuasa tertentu maka amalan tersebut perlu dielakkan. Maka, pemajangan foto tokoh agama hendaklah disertai dengan niat yang murni, berpandukan ilmu dan adab serta bebas daripada unsur kesyirikan atau penyimpangan daripada akidah Islam yang sebenar.

Nilai yang terkandung dalam Pelaksanaan Pemajangan Foto Ungku Saliah

Dalam perspektif agama nilai sering dianggap sebagai asas dalam menilai perbuatan baik dan buruk yang seterusnya menentukan kebenaran dan kesalahan dalam kehidupan manusia. Islam sebagai agama yang bersumberkan wahyu mengandungi ajaran normatif yang menetapkan batasan tentang perbuatan terpuji yang wajar diamalkan serta perbuatan tercela yang seharusnya dielakkan.[33] Berkenaan dengan amalan pemajangan foto Ungku Saliah, terdapat segelintir masyarakat yang meyakini ia sebagai medium untuk menarik rezeki dan memperoleh keberkatan. Kepercayaan sedemikian perlu diteliti dengan berhati-hati kerana niat dan tujuan yang salah boleh membawa kepada unsur kesyirikan. Dalam Islam, rezeki datangnya hanya daripada Allah SWT Tuhan Yang Maha Pemberi Rezeki dan hanya kepada-Nya tempat bergantung dan berharap. Maka, segala usaha untuk mendapatkan keberkatan haruslah diiringi dengan keikhlasan, doa dan tawakal kepada Allah semata-mata. Berdasarkan dapatan kajian lapangan, terdapat beberapa nilai penting yang terkandung dalam pelaksanaan tradisi pemajangan foto Ungku Saliah, iaitu:

Pertama: Menyaksikan Kebesaran Allah SWT

Melalui kisah-kisah karamah yang dikaitkan dengan diri Ungku Saliah, masyarakat dapat melihat kebesaran dan kekuasaan Allah SWT yang dizahirkan melalui hamba-Nya yang soleh. Ini memperkuat keyakinan terhadap keagungan Allah serta membina kesedaran spiritual dalam kalangan masyarakat.[34]

Kedua: Mewujudkan Rasa Syukur atas Keberkatan Rezeki

Menurut pengakuan beberapa usahawan tempatan di Nagari Sungai Sariak, mereka merasakan perubahan positif dalam perniagaan setelah memajangkan foto Ungku Saliah di premis mereka. Walaupun keberkatan yang diperoleh tidak wajar disandarkan sepenuhnya kepada gambar tersebut, ia menjadi lambang pengingat bahawa segala bentuk rezeki dan kejayaan adalah dengan izin dan kehendak Allah SWT.

Ketiga: Menjadi Sumber Motivasi dan Inspirasi Dakwah

Metodologi dakwah Ungku Saliah memberikan inspirasi kepada masyarakat khususnya generasi muda untuk mencontohi pendekatan beliau yang sederhana tetapi berkesan. Beliau berdakwah di mana sahaja berada dan tidak membebankan pendengar dengan pelbagai teori sebaliknya menyampaikan satu ilmu penting yang terus diamalkan. Kesungguhan beliau dalam memperjuangkan Islam menjadi contoh agar masyarakat tidak mudah goyah dalam mempertahankan agama dalam menghadapi cabaran akhir zaman.[35]

Keempat: Memelihara Ingatan terhadap Ulama

Pemajangan foto ini juga berperanan sebagai usaha untuk mengenang jasa seorang ulama besar yang telah memberikan sumbangan besar dalam perkembangan Islam di Nagari Sungai Sariak. Dengan mengingat para ulama, masyarakat dapat merapatkan diri dengan golongan soleh dan pewaris nabi yang secara tidak langsung memudahkan amalan tawassul kepada Allah melalui perantaraan doa mereka.[36]

Kesimpulan

Tradisi pemajangan foto Ungku Saliah di Nagari Sungai Sariak menggambarkan pemahaman mendalam masyarakat setempat terhadap nilai-nilai spiritual, penghormatan terhadap tokoh agama serta usaha melestarikan warisan keilmuan Islam. Foto tersebut bukan sekadar lambang penghargaan tetapi juga menjadi simbol pengiktirafan terhadap kekeramatan dan keteladanan Ungku Saliah dalam menyebarkan dakwah dan memperkuat ajaran Islam. Masyarakat percaya bahawa dengan memajangkan foto beliau di tempat yang mulia dan dengan niat yang benar akan lahir semangat untuk meneladani akhlak, amalan ibadah serta dedikasi beliau dalam menuntut ilmu dan menyampaikan dakwah. Tradisi ini, dalam kerangka yang tepat berperanan sebagai alat refleksi untuk menghidupkan nilai-nilai keimanan dan kecintaan terhadap para ulama pewaris nabi. Namun begitu, perlu ditekankan bahawa amalan ini tidak wajar disertai dengan kepercayaan yang melampaui batas sehingga menjurus kepada unsur tahyul atau penyimpangan akidah. Islam mengajar bahawa keberkatan dan rezeki adalah hak mutlak Allah SWT sebagaimana dinyatakan dalam Surah Hud ayat 6 yang menegaskan bahawa setiap makhluk telah ditentukan rezekinya oleh Allah. Oleh itu, tradisi memajang foto tokoh agama seperti Ungku Saliah harus difahami sebagai satu bentuk penghormatan dan penghayatan terhadap warisan perjuangan Islam bukan semata-mata untuk tujuan duniawi. Dengan niat yang ikhlas dan pemahaman yang sah tradisi ini boleh menjadi medium memperkuat hubungan spiritual dengan Allah SWT serta menghidupkan kembali semangat mencintai ilmu, berakhlak mulia dan meneladani jalan para ulama.

Penghargaan

Penulis merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada semua informan serta seluruh masyarakat Nagari Sungai Sariak, daerah Padang Pariaman atas kesudian memberikan kerjasama dan keizinan dalam proses pengumpulan data bagi kajian ini. Sumbangan maklumat, sokongan dan keterbukaan pihak yang terlibat amatlah dihargai dan telah memungkinkan terhasilnya artikel ilmiah ini untuk dikongsi dan dibaca oleh khalayak umum.

Konflik Kepentingan

Penulis mengumumkan bahawa tidak ada konflik kepentingan yang berkaitan dengan penerbitan makalah ini.

Sumbangan Penulis

Kajian ini ditulis oleh Edriagus Saputra sebagai penulis utama mulai dari tajuk hinggalah rujukan dan rakan-rakan yang lain turut membantu pengumpulan artikel dan menganalisis data makalah ini tentang pemajangan foto Ungku Saliah di Padang Pariaman - Indonesia.

Rujukan

[1] Edriagus Saputra. *Tradisi Dalam Kajian Hadis*. 1st ed. Makasar: Graha Aksara, 2021.

- [2] Ahmad Isnaeni et al., "The Minority Stigma of Niqabi in Social Communities: A Study of Living Sunnah on Niqab-Wearing Students at the Islamic State University in Lampung," *QJIS (Qudus International Journal of Islamic Studies)* 12, no. 1 (August 28, 2024): 1, <https://doi.org/10.21043/qjiss.v12i1.22587>.
- [3] Marjuki Marjuki and Ahmad Irfan, "Nilai Akhlak Dalam Tradisi Mushofahah di Musholla Ahluls Kisa, Darul Musthofa Tarim, Yaman," *Tadarus Tarbawy: Jurnal Kajian Islam dan Pendidikan* 6, no. 1 (June 30, 2024), <https://doi.org/10.31000/jkip.v6i1.11474>.
- [4] Muhammad Aqil, "TRADISI BASAPA UNGKU SALIAH DI ULAKAN PADANG PARIAMAN" (UIN Imam Bonjol Padang, 2018). Hal. 3.
- [5] Alimin Alimin, Mumin Roup, and Restia Gustiana, "Ritual Pemajangan Foto Ungku Saliah di Kedai Etnik Minang Pariaman," *Kontekstualita* 37, no. 1 (March 14, 2023): 17–32, <https://doi.org/10.30631/37.1.17-32>.
- [6] Erman Mukhani, *Pemajangan Foto Ungku Saliah* (Sungai Saria Padang Pariaman: Hasil Wawancara, 2023).
- [7] Tuangku Rahmat Ridho Illahi, *Wawancara dengan Ulama Setempat*, 2023.
- [8] Aḥmad ibn 'Abd al-Ḥalīm Ibn Taymīyah, *Majmū' al-Fatāwā*, I (Beirut: Dar al-Fikr, 1983).
- [9] Said Ramadhan al-Buthi, *Al-La Mazhabiyyah Akhtaru Bid'atin Tuhaddidu Asy-Syariah al-Islamiyyah* (Beirut: Darl Al-Fikr, 1983).
- [10] Yusuf al-Qaradawi, *Fatwa-Fatwa Kontemporer, Terj. As'ad Yasin* (Jakarta: Gema Islami, 1995).
- [11] Lifna Putri S, "MENAPAKI JEJAK TUANKU BUYA SALIAH DI PADANG PARIAMAN: KAJIAN ARKEOLOGI ISLAM," *Lifna Putri S*, n.d.
- [12] *Ranji Keturunan Ungku Saliah Sabalah Kamanakan, Sumber Foto: Dokumentasi Pribadi Penulis*, 2023.
- [13] *Ranji Garis Keturunan Syekh Ungku Saliah, Sumber Foto: Dokumentasi Pribadi Penulis*, 2023.
- [14] *Jejak Sufi Minang, Silsilah Garis Keturunan Ungku Saliah, Sumber: Youtube*, n.d.
- [15] Lifna Putri, dkk. Menapaki Jejak Tuanku Buya Saliah Di Padang Pariaman: Kajian Arkeologi Islam. *Thullab: Jurnal riset dan Publikasi Mahasiswa*. Vol. 2. No. 2 (2022). <https://ejournal.iainkerinci.ac.id/index.php/thullab/article/view/2120>
- [16] Dea Lusiana Dea Lusiana and Achmad Hidir Achmad Hidir, "KEYAKINAN MASYARAKAT TERHADAP SIMBOL FOTO UNGKU SALIAH DALAM MEMBUKA USAHA (STUDI KASUS RUMAH MAKAN MINANG DI KABUPATEN DHARMASRAYA)," *JISOS: JURNAL ILMU SOSIAL* 1, no. 7 (2022): 441–48.
- [17] Emen, "Cerita-Cerita Tentang Ungku Saliah, Ulama Dari Pariaman," 2016.
- [18] Syarifah Nur, *Pemajangan Foto Ungku Saliah (Hasil Wawancara)*, 2023.
- [19] Kasini, *Pemajangan Foto Ungku Saliah (Hasil Wawancara)*, 2023.
- [20] Ramsi, *Pemajangan Foto Ungku Saliah (Hasil Wawancara)*, 2023.
- [21] Nur, *Pemajangan Foto Ungku Saliah (Hasil Wawancara)*.
- [22] Ilyassahri, *Pemajangan Foto Ungku Saliah (Hasil Wawancara)*, 2023.
- [23] Dea Lusiana, D. L., & Achmad Hidir, A. H. (2022). KEYAKINAN MASYARAKAT TERHADAP SIMBOL FOTO UNGKU SALIAH DALAM MEMBUKA USAHA (STUDI KASUS RUMAH MAKAN MINANG DI KABUPATEN DHARMASRAYA). *JISOS: JURNAL ILMU SOSIAL*, 1(7), 441–448. Retrieved from <https://bajangjournal.com/index.php/JISOS/article/view/3299>
- [24] Iskandar, *Pemajangan Foto Ungku Saliah (Hasil Wawancara)*, 2023.
- [25] Inen, *Pemajangan Foto Ungku Saliah (Hasil Wawancara)*, 2023.
- [26] Lathif, *Pemajangan Foto Ungku Saliah (Hasil Wawancara)*, 2023.
- [27] Ahmad Suhaimi, *Pemajangan Foto Ungku Saliah (Hasil Wawancara)*, 2023.
- [28] Jawani, *Pemajangan Foto Ungku Saliah (Hasil Wawancara)*, 2023.
- [29] Musthofa, "Memajang Foto Ulama," *Kompasiana*, 2022.
- [30] Yulian Purnama, "Kupas Tuntas Hukum Gambar Makhluk Bernyawa (Bag.1)," muslim.or.id, 2022.
- [31] Suswedi Yondra, "Analisa Terhadap Fatwa Yusuf Al-Qardhawi Tentang Profesi Fotografer Menurut Fiqh Muamalah" (UNIVERSITAS ISLAM NEGERI SULTAN SYARIF KASIM RIAU, 2013).
- [32] Budi Romizal, *Pemajangan Foto Ungku Saliah (Hasil Wawancara)*, 2023.
- [33] H Sofyan Sauri, "Pengertian Nilai," *Diakses Melalui File. Upi. Edu, Pada*, 2019.
- [34] Anwar Hidayah, *Pemajangan Foto Ungku Saliah (Hasil Wawancara)*, 2023.
- [35] Mukhtar, *Pemajangan Foto Ungku Saliah (Hasil Wawancara)*, 2023.
- [36] Rina Mulya, *Pemajangan Foto Ungku Saliah (Hasil Wawancara)*, 2023.

[37] al-Bukhari, Muhammad bin Ismail. *Shahih al-Bukhari*, tahqiq: Muhammad Zuhair bin Nashir an-Nashir. Beirut: Dar Thauq an-Najah, 1422 H.